

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Dua tokoh sifatkan kejayaan Barisan cemerlang

KUALA LUMPUR, Jumaat — Dua orang tokoh yang membantu negara mencapai kemerdekaan, Tun Sardon Jubir dan Tun Tan Siew Sin hari ini mensifatkan kejayaan Barisan Nasional dalam pilihanraya umum kali ini sebagai "kemenangan cemerlang."

Tun Sardon yang kali terakhir menjadi Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang berkata, Barisan Nasional terutama kedua-dua pemimpinnya, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Timbalannya, Datuk Musa Hitam telah berjaya dalam pilihanraya ini.

"Alhamdulillah, Barisan Nasional telah berjaya dan telah memenangi banyak kerusi dengan kelebihan undi yang besar," katanya.

Tun Sardon menambah, beliau ingin mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Dr. Mahathir kerana kejayaannya yang cemerlang.

Kejayaan Barisan, katanya, mencerminkan kesediaan rakyat menerima janji kerajaan untuk mewujudkan sebuah kerajaan yang bersih, cekap dan amanah.

Paling besar

Penasihat kewangan kepada kerajaan, Tun Tan Siew Sin, ketika melahirkan perasaan yang sama berkata, Barisan Nasional telah mencapai kejayaan cemerlang dalam pilihanraya ini.

"Inilah kejayaan pilihanraya yang paling besar dalam sejarah negara," katanya bila dihubungi di pejabatnya hari ini.

Sama ada Barisan Nasional boleh mengulangi kejayaannya dalam pilihanraya akan datang akan bergantung kepada sama ada kerajaan dapat menunaikan janji-janjinya semasa berkempen dalam pilihanraya ini, tambahnya.

Mengenai pihak pembangkang terutamanya DAP, beliau berkata, ia mengalami kekalahan yang teruk.

Bagaimanapun dalam politik, mereka terpaksa



TUN SARDON JUBIR



TUN TAN SIEW SIN

menerima keputusan rakyat, tambahnya.

Tun Tan berpendapat janji kerajaan untuk mengadakan sebuah pentadbiran yang bersih, cekap dan amanah telah meninggalkan kesan yang mendalam ke atas rakyat dan menyumbang kepada kemenangan itu. — Bernama.